

## Setiausaha tidak semestinya cantik dan perlu berpakaian seksi

S# 03/05/08  
Pg-T13

Info  
Wanita

**PERANAN** setiausaha sememangnya penting dalam sesebuah organisasi dan bagi mereka yang berminat memenuhi jawatan itu, perlulah mempunyai pakej tertentu serta memenuhi kriteria ditetapkan.

Setiausaha Timbalan Pengarah Institut Oseanografi (INOS) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Lailawati Ismail, 26, berkata, penampilan menarik merupakan satu bonus tetapi ia bukanlah satu jaminan bagi menjawat jawatan sebagai setiausaha.

"Dahulu masyarakat sering menganggap, setiausaha mestilah wanita jelita dan

sentiasa berpakaian seksi.

"Sebenarnya anggapan tersebut silap kerana jawatan ini sangat mementingkan wanita yang cekap, proaktif dan mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan orang ramai.

"Jika setiausaha tidak dapat menjalankan tugas dengan baik, majikan akan susah dan seterusnya menjejaskan imej syarikat," katanya.

Menurutnya lagi, hubungan setiausaha dengan majikan juga haruslah dijaga agar tidak timbul fitnah dalam kalangan pekerja.

"Jangan mengambil kesempatan atas kebaikan



**LAILAWATI ISMAIL**

majikan kerana ia hanya akan memburukkan keadaan dan menjejaskan kelancaran tugas," katanya.